

Kenaf

Oleh Nurul Farina Nazlan

nfarina@bharian.com.my

MALAYSIA kaya dengan pelbagai hasil tumbuhan dan hutan yang banyak menyumbang kepada pembangunan industri perkayuan dan ekonomi negara. Terbaru, sekumpulan penyelidik negara memperkenalkan tumbuhan renek yang berpotensi dalam menghasilkan pelbagai produk berkualiti dan bermutu tinggi.

Pokok kenaf itulah tumbuhan yang sedang dimaju dan dibangunkan oleh kumpulan pakar penyelidik daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) yang diketuai Mat Daham Md Daud sejak 2000 lagi.

Kenaf ialah sejenis pokok tropika yang menghasilkan fiber menyerupai jut dan kebiasaannya digunakan untuk menghasilkan tali dan tekstil. Kenaf dituai hasilnya selepas 120 hari dan kitaran penanaman ialah tiga kali setahun atau empat


Tanaman alternatif tingkat pendapatan petani, hasilkan produk berkualiti

bulan sekali.

Usaha itu dijayakan lebih kurang 20 jawatankuasa yang kebanyakannya terdiri daripada penyelidik Mardi mengikut kepakaran masing-masing. Projek pembangunan kenaf ini turut mendapat kerjasama serta sokongan daripada beberapa agensi lain pada peringkat awal pembangunannya seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),



OSMAN



MAT Daham bersama Produk Kenaf.

Mardi pantau kualiti tepati piawaian pasaran dunia

DALAM usaha menghasilkan produk yang bermutu tinggi, kumpulan penyelidik Mardi mengambil inisiatif dengan menubuhkan kilang kenaf di samping membuka satu ladang khas bagi tanaman ini bagi tujuan penyelidikan di Mardi, Serdang.

Ketua Pegawai Penyelidik Kenaf, Mat Daham Md Daud, berkata kilang dan ladang sedia ada di Mardi bertujuan sebagai program pelaksanaan tanaman alternatif ini dan tidak menggunakan tenaga kerja yang begitu ramai.

Di Mardi juga, beberapa penyelidik khas bagi kenaf

sentiasa bekerjasama serta melaksanakan program pembangunan terkini bagi tanaman alternatif ini supaya kualiti serta mutu yang dihasilkan daripada tanaman itu menepati spesifikasi yang diinginkan pasaran.

Pada masa sama, bagi tujuan peningkatan projek kenaf, dua kilang memproses dibina sebagai memenuhi keperluan iaitu di Air Tawar, Pasir Puteh dan di Beris Lalang, Bachok yang membabitkan peserta projek Diraja Kelantan.

"Kilang yang memuatkan mesin bernilai RM600,000 dibangunkan menerusi

teknik inovatif dan berjaya memproses 10 tan kenaf sehari dalam masa lapan jam bekerja.

"Dengan harga kenaf semasa RM500 satu tan, penanam kenaf mampu memperoleh pendapatan lumayan dengan hasil 15 tan sehektar yang mampu membebaskan petani daripada belunggu kemiskinan," katanya.

Katanya, hasil kenaf yang diproses di Tok Bali dan Beris Lalang juga bakal dieksport ke Jerman dan Korea untuk keperluan pembuatan automotif, pembuatan perabot dan alat elektrik.

Penanam kenaf juga

dilihat mula yakin dengan prospek tanaman berkenaan dan peningkatan harga daripada RM300 kepada RM500 satu tan yang memberi jaminan bahawa pendapatan petani akan meningkat.

Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang membabitkan pelaburan RM112 bilion dalam tempoh 12 tahun juga sudah menjadikan tanaman alternatif ini sebagai satu daripada sektor pertanian yang akan dibangunkan serta mampu membantu dalam menangani ketidakseimbangan ekonomi di wilayah berkenaan.

Lebih penting, harapan petani di negara ini perlu diambil kira kerana tanpa mereka tanaman alternatif itu pasti tidak dapat dibangunkan serta dikomersialkan. Yang pasti, kenaf satu lagi lambang kemajuan negara dalam bidang pertanian dan pengeksportan.

mampu jana ekonomi negara



MAT Daham menunjukkan buah pokok kenaf.

Lembaga Getah Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Pada peringkat awal, kumpulan penyelidik memilih baka yang sesuai dengan iklim serta persekitaran negara. Kenaf adalah sejenis tumbuhan berasal daripada Afrika yang dikomersialkan beberapa negara seluruh dunia seperti Amerika Syarikat, Australia dan Bangladesh.

Mat Daham berkata, baka kenaf yang sedang dibangunkan di negara ini datang dari negara seperti Amerika Syarikat, China dan Australia, tanaman berulang yang mampu ditanam setiap empat bulan sekali.

Mat Daham berkata, kenaf akan menjadi tanaman alternatif menggantikan tembakau kerana lebih 5,000 penanam tembakau di negara ini dijangka bakal terjejas apabila Kawalan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dikuat kuasa menjelang 2010 nanti.

Katanya, pengusaha tembakau diberi pilihan untuk mengusahakan tanaman pengganti supaya pendapatan mereka tidak terjejas berikutan langkah kerajaan mengurangkan kadar tanaman tembakau.

"Malaysia juga dijangka mengeksport 50,000 tan kenaf setahun dengan nilai RM15 bilion mulai tahun depan.

"Dengan terlaksananya perkara ini, ia akan men-

“ Ia adalah projek perintis yang dibiayai kerajaan melalui Pegawai Kewangan Kelantan dengan dana sebanyak RM9 juta. Kilang ini sudah beroperasi dan dijangkakan bakal dirasmikan Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Julai nanti”

**Mat Daham
Md Daud**

*Ketua pakar
penyelidik Mardi*

jadikan kenaf sebagai komoditi utama negara menjelang 2010, Korea akan menjadi negara pengimport pertama dari Malaysia yang berjumlah 50,000 tan setahun," katanya.

Kenaf mudah dijaga kerana ia lebih tahan serta tidak banyak penyakit dan ia boleh dituai sekali gus, berbanding tembakau yang daunnya ter-

paksa dipetik beberapa kali.

Malah, sejak beberapa tahun lalu tanaman alternatif ini atau nama saintifiknya 'Hibiscus cannabinus' ini sudah diperkenalkan di kawasan yang dulunya menjadi pengeluar utama tembakau antaranya di Kelantan dan Kedah.

Menurut Mat Daham lagi, satu kilang pemprosesan kenaf sudah dibangunkan di Bachok, Kelantan, satu projek kerjasama antara Mardi dan Projek Diraja Kelantan bagi mengomersialkan tanaman alternatif ini.

"Ia adalah projek perintis yang dibiayai kerajaan melalui Pegawai Kewangan Kelantan dengan dana sebanyak RM9 juta. Kilang ini sudah beroperasi dan dijangkakan bakal dirasmikan Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Julai nanti.

"Kilang ini mampu mengeluarkan 200 tan hasil setahun dan untuk pengeluaran ini, ia memerlukan lebih kurang 150 hektar tanaman kenaf dan mesin yang ada di kilang ini adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan Mardi tetapi dibuat di China," katanya.

Tumbuhan ini juga adalah bahan organik perindustri-an mesra alam yang diiktiraf Protokol Kyoto sebagai berupaya mengurangkan pemanasan global dan jika dilihat potensi kenaf untuk menjadi

eksport utama negara ini memang besar jika diusahakan dalam skala besar terutama di tanah terbiar.

Yang pasti, tanaman alternatif ini juga mampu menghasilkan perabot bermutu tinggi yang dipercayai lebih berkualiti daripada produk yang diperbuat daripada bahan kayu yang sedia ada di pasaran dan mampu menjadi produk yang bakal menjana ekonomi negara pada masa depan jika diketengahkan.



MAT Daham memeriksa pokok kenaf di ladang mini Kenaf Mardi.



PENOLONG Pegawai Penyelidik, A Wahab Sudin bersama kenaf di ladang mini Kenaf Mardi.



RUPA palet kenaf selepas diproses.